

**PERATURAN PERMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
BAHASA MELAYU
Kertas 2**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1- 30 markah

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- | | | |
|-----------|---|------------------|
| a) Isi | - | 20 markah |
| b) Bahasa | - | 10 markah |

a) **Isi [20 markah]**

Nota : Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah patah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan (2 markah)	Markah
Petikan membincangkan sifat/kriteria pengetua cemerlang di sekolah-sekolah di Malaysia pada hari ini	2

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- S1 Pengetua perlu mempunyai kemahiran mengenal pasti isu-isu dan strategi. 2
- S2 Pengetua hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi. 2
- S3 Pengetua sentiasa berusaha untuk memajukan kepemimpinan diri. 2
- S4 Pengetua merupakan seorang personality yang mempunyai kualiti peribadi yang cemerlang. 2
- S5 Pengetua berkemampuan untuk mewujudkan suasana yang harmonis tentunya akan disanjung. 2
- S6 Berfikiran terbuka juga merupakan ciri seorang pengetua yang boleh dijadikan contoh. 2
- S7 Pengetua hendaklah seorang yang tabah. 2
- S8 Pengetua bersikap bijak dan pintar dalam bertindak dan mempunyai daya usaha yang tinggi. 2
- S9 Pengetua bersikap professional dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawabnya. 2
- S10 Pengetua mestilah merupakan individu yang berwibawa dan berkaliber serta dapat mempamerkan kualiti kepemimpinan. 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- T1 Setiap warga sekolah tidak bermuafakat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing . 2
- T2 Pentadbiran sekolah menjadi tidak terurus akibat kegagalan pengetua menerajui pentadbirannya. 2
- T3 Prestasi kurikulum dan kokurikulum sekolah akan merosot kerana tiadanya semangat untuk memajukan sekolah. 2
- T4 Pengetua tersebut tidak akan dihormati oleh orang-orang bawahannya, seterusnya menyebabkan konflik sesama mereka. 2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Penutup

K1 Kesimpulannya, semua pengetua mestilah mempunyai ciri-ciri pengetua yang cemerlang supaya dapat melahirkan sekolah yang terbilang . 2

[KESIMPULANNYA],[CADANGAN (MESTI DIKAITKAN DENGAN ISU PETIKAN)] [KH]
[ALASAN]

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 - pemahaman petikan

a) petikan Umum

i. Maksud rangkai kata *mempamerkan kualiti* ialah

- menonjolkan/menampilkan/ menyerlahkan mutu [2 markah]

ii. – dapat membimbing anak-anak buahnya

- dapat memacu kejayaan sekolah
- dapat meningkatkan prestasi akademik murid-murid

(3 markah)

iii. – tidak bersikap pilih kasih

- mengadakan perbincangan dua hala
- membuat keputusan yang adil dan saksama
- mewujudkan hubungan yang baik dengan setiap warga sekolah
- mengelakan perselisihan faham antara satu sama lain

(4 markah)

Soalan 2(b): Petikan Cerpen – Jaket Kulit Kijang

- i) Beberapa buku, gambar, syampu, botol sabun buih, poskad, mancis, selipar, pen, pensel, uncang teh, uncang gula, alat pengilap kasut.

(2 markah)

- ii) - Meningkatkan perpaduan
- Tambah baik infrastruktur
 - tahun melawat Malaysia
 - Jaringan Pengangkutan

(3 markah)

- iii) - Perbelanjaan berhemah....Contohnya....
– sentiasa berhati-hati....buktinya....
- Keseluruhnya :....mencintai binatang....contohnya...
- Berfikiran rasional.....analoginya....

[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik – Burung Terbang Dipipiskan Lada

- (i) - Anak Melayu pun berbelah
- Setengah pada Paduka Raja
- Setengah pada Seri Nara Diraja

[2 markah]

- (ii) Paduka Raja
- Seri Nara Diraja

[3 markah]

- (iii) - Konflik politik berlaku
- Para pengikut akan bergaduh
- Arahan akan bercanggah
- Negara tidak aman
- Rakyat hidup dalam ketakutan

[3 markah]

Soalan 2(d) - Pemahaman Sajak – Kudup Perang

- (i) Berikan maksud ungkapan **mengudupkan putik dendam** dalam rangkap 1 ?
Maksud ungkapan mengudupkan putik dendam ialah meredakan perasaan tidak suka yang baru bermula.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menghargai jasa-jasa pahlawan yang mempertahankan tanah air ?
Kita perlu menghargai jasa-jasa pahlawan ;
 - (i) Pahlawan telah banyak berjasa kepada rakyat, masyarakat dan negara untuk memastikan keamanan negara.
 - (ii) Pahlawan telah banyak mengorbankan masa, tenaga dan kudrat semata-mata untuk memastikan kehidupan masyarakat tenteram.
 - (iii) Pahlawan telah menumpaskan musuh-musuh negara yang cuba menganggu kehidupan masyarakat di negara kita.
 - (iv) Pahlawan telah menjaga dan mengawasi sempadan negara daripada dicerobohi oleh musuh yang boleh menggugat kehidupan masyarakat.
(Terima mana-mana jawapan yang betul dan logik)
[3 markah]
- (iii) Jelaskan 3 nilai yang terdapat dalam sajak di atas.
 - (i) Nilai keberanian – penyajak berani mencari jawapan dan kepastian antara pahlawan dan pengkhianat.
 - (ii) Nilai kerajinan – Masyarakat perlu gigih berusaha dan bersungguh-sungguh untuk membina kehidupan selepas perang.
 - (iii) Nilai keadilan – peristiwa Jebat dan Tuah hendaklah diadili dengan saksama tanpa perasaan prejedis.
 - (iv) Nilai bijaksana – kita perlu menilai sesuatu peristiwa dengan matang dan rasional.
[4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
Soalan 3(b) : 6 markah
Soalan 3(c) : 6 markah
Soalan 3(d) : 6 markah
Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah

Jawapan 3 (a)

Perkataan	Maksud perkataan	Contoh ayat
i. intensif	i. dengan giat dan bersungguh-sungguh	Remaja lepasan SPM ditawarkan mengikuti latihan intensif selama sebulan di pusat GIATMARA.
ii. kemaslahatan	i. sesuatu yang berfaedah/berguna	Kita perlu bersama-sama memerangi dadah demi kemaslahatan masyarakat.
iii. kebejatan	i. kerosakan ii. keburukan	Ramai anak muda masa kini terlibat dengan masalah kebejatan sosial sehingga merungsingkan pentadbiran negara.
iv.kekangan	i. halangan ii. sekatan iii. gerigi yang dipasang pada mulut kuda. iv.	Masalah pencemaran sukar di atasi kerana banyak kekangan yang dihadapi.

v. spekulasi	i. pendapat yang tidak berdasarkan fakta. ii. Pelaburan yang berisiko tinggi tetapi boleh mendapat keuntungan yang besar.	Saya tidak akan mengambil sebarang tindakan berdasarkan spekulasi orang bawahan.
vi. menelusuri	i. mengikut jejak perjalanan ii. mengikut sepanjang tepi jalan/sungai/pantai	Kajian sejarah yang dijalankan berjaya membawa kita menelusuri asal usul bangsa.

(b) Mencerakinkan ayat

- (i) Golongan remaja memerlukan perhatian daripada ahli keluarga.
- (ii) Golongan remaja memerlukan kasih sayang daripada ahli keluarga.
- (iii) Mereka tidak seharusnya diabaikan oleh ibu bapa.
- (iv) Kebanyakan daripada ibu bapa sibuk bekerja.
- (v) Ibu bapa perlu meluangkan masa bersama dengan anak-anak mereka.
- (vi) Ibu bapa perlu memastikan pencapaian akademik mereka sentiasa cemerlang.

(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

- (i) mencadang – bercadang
- (ii) jalanraya – jalan raya
- (iii) percintaan – kecintaan
- (iv) resmi – rasmi
- (v) gotong royong – gotong-royong
- (vi) meningkat – meningkatkan

(d) Kesalahan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa

- (i) menyiarkan – memberikan / mengeluarkan pada – kepada
- (ii) daripada - dari menukarkan - memindahkan
- (iii) Deretan kedai-kedai – Deretan kedai putus – pintas

(e) Peribahasa

1. Cantik seperti bidadari
2. Bagai cincin dengan permata / Bagai pinang dibelah dua
3. Seperti emas baru disepuh

Soalan 4
Markah penuh 15 markah
Panduan pemarkahan bagi Soalan 4 (a)

- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 1 markah bagi **setiap pernyataan kebijaksanaan watak utama yang lengkap / jelas.**
- iv) Beri 1 markah bagi contoh peristiwa yang lengkap / jelas
- v) Markah isi maksimum 4 markah
- vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

NOVEL DI SEBALIK DINARA

Permulaan yang menarik dalam sesebuah novel akan mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaan hingga akhir. Huraikan pernyataan tersebut berdasarkan novel kajian anda.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara oleh Dayang Noor. Permulaan bagi novel ini amat menarik.

Novel Di Sebalik Dinara ini mempunyai permulaan yang menarik kerana cerita ini bermula dengan **senario Farisha, watak utama dalam novel ini diperkenalkan melalui sifat kesabarannya.** Sebagai contoh, ketika Farisha sedang beratur di kaunter daftar masuk pesawat, dia telah bertemu dengan seorang wanita yang berbual melalui telefon bimbitnya dengan kuat dan seolah-olah tidak menghiraukan ketenteraman orang lain yang turut berada di Lapangan Terbang Senai. Peristiwa ini dianggap menarik kerana walaupun berasa amat menjengkelkan dengan sikap wanita itu, namun dia tetap bersabar dan tidak menegur perbuatan wanita itu. Sebaliknya, seorang lelaki budiman yang sedang beratur di belakang Farisha menegur perempuan itu dan menyebabkan wanita itu terus menghentikan perbualannya.

Selain itu, permulaan novel ini menarik kerana pada bab awal novel ini, kecanggihan teknologi telah diperkenalkan. Buktinya, ketika Farisha sampai di apartmennya pada pukul 10 malam, dia tidak boleh masuk ke dalam rumahnya kerana abangnya telah memasang sistem keselamatan yang canggih iaitu retinal scanner. Alat ini berfungsi dengan mengimbas retina bagi mengesahkan identiti seseorang itu. Bukan itu sahaja, kecanggihan teknologi dalam permulaan novel ini

juga dapat dibuktikan apabila Shida bermain squasy dengan robot yang telah diprogramkan, iaitu dikenali sebagai Juju. Peristiwa ini berlaku ketika Farisha menghubungi Shida yang sedang bermain squasy dengan Juju bagi membantunya memasuki apartmennya kerana abangnya telah menukar sistem keselamatan di apartmen itu.

Seterusnya, permulaan bagi novel ini juga menarik kerana dalam bab pertama novel ini, **nilai kasih sayang ditonjolkan melalui watak Azraai**. Buktinya, Azraai amat menyayangi adiknya, Farisha. Sebagai contoh, Azraai telah memasang sistem keselamatan yang canggih iaitu retinal scanner di apartmen adiknya. Hal ini kerana dia ingin menjaga keselamatan adiknya berikutan berlaku kes jenayah berdekatan kawasan apartmen Farisha. Tindakan Azraai ini jelas menunjukkan bahawa abangnya merupakan seorang yang ambil berat akan keselamatan adiknya kerana dia manyayangi Farisha. Lebih menarik lagi, walaupun Azraai memperlakukan adiknya seperti budak-budak, namun Farisha langsung tidak merungut akan sikap abangnya.

b) Novel Silir Daksina

Setiap peristiwa dalam novel berlaku dalam latar masa tertentu. Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan tiga latar masa yang penting.

JAWAPAN:

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Silir Daksina karya Md. Nizar Parman, terdapat beberapa latar masa yang penting.

Latar masa yang pertama ialah masa ketika Haiqal berumur 6 tahun. Pada suatu malam iaitu sehari sebelum dia menjelaki tadika, uminya telah memasuki biliknya dan duduk di birai katilnya. Uminya berterus-terang tentang status diri anaknya. Walaupun kenyataan itu agak pahit untuk diungkapkan namun kebenaran harus dirungkai. Abdul Fattah yang selama ini dianggapnya sebagai ayah bukanlah ayah kandungnya sebaliknya cumalah anak tiri. Ayah kandungnya yang sebenar bernama Abdullah bin Kayan dan mereka telah berpisah atas alasan yang tidak diketahui Haiqal pada ketika itu.

Latar masa yang seterusnya ialah masa sewaktu Haiqal berumur 12 tahun. Hal ini dapat dibuktikan semasa dia sedang menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Haiqal telah mendengar khabar buruk iaitu tentang kematian bapa kandungnya, Abdulah bin Kayan. Haiqal bersungguh-sungguh ingin mengikut uminya bersama-sama untuk melawat namun tidak diizinkan oleh uminya. Haiqal menangis teresak-esak semasa menjawab ujian tersebut dan terpaksa ditenangkan oleh pemeriksa yang menjaga peperiksaan ketika itu.

Seterusnya, latar masa yang berikutnya ialah tempoh masa Tauke Lim menetap di Kampung Seri Purnama selama 18 tahun iaitu bermula daripada

tiada apa-apa pekerjaan sehingga dia mampu mendirikan rumahnya sendiri dengan hasil usaha gigih. Pelbagai pekerjaan telah dilakukan untuk menampung sara hidup diri dan keluarga. Selama 18 tahun itu juga, penduduk kampung sudah mula selesa dengan kehadiran Tauke Lim dan keluarganya walaupun mereka berbeza dari segi adat, budaya dan agama. Sifat pemurah, peramah dan baik hatinya menyenangkan orang-orang disekelilingnya. Apabila diadakan suatu majlis di kampung itu pasti Tauke Li menawarkan diri untuk menampung wang perbelanjaannya.

- Mana-mana jawapan yang relevan boleh diterima dan terpulang kepada pelajar untuk menjawab soalan yang novel ting 4@ting 5@kedua-duanya, berdasarkan kehendak soalan.

SKEMA JAWAPAN TAMAT